

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006**

**November 2005**

**RPK 321 – Perancangan Landskap**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

- 2 -

1. Perancangan landskap seperti juga bidang perancangan bandar, adalah merupakan suatu cabang perancangan yang berkaitan dengan alam binaan.
  - (a) Bincangkan persamaan serta perbezaan kedua-dua bidang di atas.
  - (b) Bincangkan kepentingan perancangan landskap dalam memenuhi keperluan untuk menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan alam sekitar.

(20 markah)
  
2. Evolusi seni taman silam telah banyak mengajar manusia masa kini menggunakan konsep serta kaedah yang digunakan pada zaman terdahulu dalam menrealisasikan hasil ciptaan seni taman mereka.
  - (a) Huraikan konsep serta kaedah yang boleh diadaptasi dari evolusi seni taman di barat (Inggeris, Perancis dan Itali).
  - (b) Huraikan terminologi-terminologi berikut serta pertaliananya dengan seni taman di barat

(i) Agora	(ii) Grotto
(iii) Atrium	(iv) Moat
(v) piazza	(vi) Atrium
(vii) Polis	(viii) Meidan
(ix) Ha-ha	(x) acropolis

(20 markah)
  
3. Hortikultur landskap merupakan komponen yang sangat penting dalam rekabentuk landskap.
  - (a) Nyatakan **Tiga (3)** spesis rumput yang sesuai di tanam di padang golf.
  - (b) Nyatakan **Lima (5)** spesis tumbuhan hiasan yang beracun.
  - (c) Bincangkan bagaimana bidang hortikultur dapat membantu dalam pembentukan Taman Malaysia.

(20 markah)

- 3 -

4. Bincangkan kaedah teknik tindanan (overlay technique method) di dalam menganalisis dan menilai faktor-faktor alam sekitar serta keadaan fizikal persekitaran untuk kesesuaian tapak semasa merancang sesuatu pelandskapan.
- (20 markah)
5. Bincangkan jenis-jenis ruang luaran di dalam pelandskapan yang dapat dibentuk dengan menggunakan pelbagai jenis bahan tumbuhan.
- (20 markah)
6. Saiz, bentuk, warna, jenis daun dan tekstur bahan tumbuhan dapat mempengaruhi visual dan kualiti estetik sesuatu rekabentuk pelandskapan. Bincangkan.
- (20 markah)
7. Berdasarkan gambarajah berikut, bincangkan penyelesaian-penyelesaian rekabentuk/sosial/politik yang dapat memperbaiki keadaan bandar ini.

(20 markah)

